

700 syarikat daftar GST akan diaudit

Kota Bharu: Sebanyak 700 syarikat yang berdaftar dengan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) akan diaudit oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menerusi Operasi Strategi Lautan Biru Kastam (Ops CBOS) mulai bulan ini.

Syarikat itu dipilih secara rawak daripada 7,684 syarikat yang berdaftar di Kelantan.

Pengarah Kastam Negeri, Mohd Nasir Yusoff, berkata operasi berkenaan yang berakhir 31 Disember depan, menyasarkan kutipan GST sebanyak RM11 juta.

Anjur program penerangan

Operasi berkenaan membabitkan 25 pegawai yang dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan bertindak sebagai bahagian pematuhan iaitu mereka akan mengunjungi pejabat dan premis untuk meneliti semua dokumen berkaitan GST.

“Satu kumpulan lagi akan bertindak sebagai penguatkuasaan, iaitu mereka akan melakukan tindakan jika menerima sebarang aduan berkaitan pemalsuan dokumen serta invoices,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan operasi berkenaan di Wisma Kastam, di sini, semalam.

Mohd Nasir berkata, pihaknya sudah mengadakan 20 program berkaitan penerangan mengenai GST secara percuma, namun sambutan diterima amat mengecewakan.

Katanya, daripada 7,684 syarikat berdaftar, kira-kira 1,000 syarikat menghantar wakil untuk mendengar taklimat.

“Kami akan turun padang ke Gua Musang, Tanah Merah serta Pasir Puteh untuk menyampaikan maklumat mengenai GST sehingga akhir tahun ini,” katanya.

5/1/9